

11 JAN 2003

Chua-Lawat/I

CHUA KETUAI DELAGASI KEMENTERIAN LAWAT NEGARA ASIA BARAT

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Kementerian Kesihatan Datuk Chua Jui Meng akan mengetuai delegasi para pegawai kementerian dan sektor swasta ke Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Oman dan Bahrain antara 12 Jan hingga 21 Jan ini.

Menurut Chua lawatan ke Arab Saudi merupakan susulan kepada lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Hospital King Fahd National Guard bagi menemui pasukan yang melakukan pembedahan memisahkan kembar siam, Ahmad dan Muhamad Rosli pada 19 Okt lepas.

"Kabinet telah mencadangkan supaya kementerian mengetuai satu delegasi bagi mengkaji kemungkinan meningkatkan kerjasama dalam bidang perubatan serta memperkukuhkan hubungan sedia ada antara Malaysia dan Arab Saudi," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan Hari Raya kementerian itu di sini hari ini.

Chua berkata delegasi itu antara lain dianggotai Ketua Pakar Bedah Institut Paediatrik Hospital Kuala Lumpur, Dr Zakaria Zahari dan pasukannya yang telah berjaya memisahkan satu lagi pasangan kembar Siam, November lepas.

"Lawatan ini memberi peluang kepada pakar bedah kita untuk berbincang peluang untuk meningkatkan perkhidmatan yang serupa selain menjalin usahasama pada masa akan datang," kata Chua.

Chua berkata lawatan ke negara-negara Asia Barat itu bertujuan mengkaji kemungkinan menjalin usahasama dalam bidang perkhidmatan rawatan kesihatan.

Chua berkata Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) turut menyertai delegasi itu.

"APHM akan diberi peluang untuk menyampaikan maklumat mengenai perkhidmatan hospital-hospital swasta di Malaysia terutama yang didaftarkan dalam Panduan Pelancongan Kesihatan dan Perubatan," katanya.

Selain pelancongan kesihatan, Chua berkata sektor swasta boleh mengkaji peluang lain bagi memasarkan produk-produk berkaitan kesihatan termasuk ubat dan zat makanan tambahan yang dihasilkan di Malaysia.

-- BERNAMA

FA RV LAT